



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus



Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Jalan Seribu Liku



"HARI hak dia biarlah kepada dia; nanti hari hak kita barulah dia tahu, langit tu tinggi laut tu dalam," tutur kata Undang Luak Sungai Ujong Dato' Kelana Putera Mohd Kassim bin Dato Nika Mohd Rashid yang sempat didengar oleh Tan Sri A Samad ketika beliau masih lagi Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan. Dato' Mohd Kassim berkata demikian apabila Undang Luak Johol, Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Abdul Manaf bin Tolok membangkitkan sikap kerabat diraja tidak menghormati kedudukannya yang dianggap sebagai 'orang beno' (orang kebanyakan) sekali pun menyandang jawatan Undang Luak.

Selaku Timbalan Menteri Besar, Tan Sri A Samad ikut sama dalam mesyuarat Dewan Keadilan yang dipengerusikan oleh Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan dengan anggotanya Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negeri. Sewaktu berhenti rehat, Dato' Abdul Manaf melahirkan rasa kesal dengan sikap seorang kerabat diraja wanita yang dianggap tidak selayaknya dilakukan ke atas seorang Undang Luak. Iktibar daripada tutur kata Dato' Mohd Kassim itu amat berkesan pada jiwa Tan Sri A Samad kerana mempunyai kaitan yang rapat dengan perbilangan: *Hati berani senjata tajam, mulut bacar emas banyak*.

Krisis adat di Negeri Sembilan memang banyak memberi sumber insprasi kepada Tan Sri A Samad dalam kerjaya politiknya iaitu '*ketika pelepah di bawah jatuh, pelepah di atas jangan ketawa*' - satu perbilangan adat yang selaras dengan perjuangan dalam politik. Peristiwa Dato' Kelana Kassim melahirkan rasa terkilan dengan rungutan Dato' Abdul Manaf adalah atas sifat Undang Yang Empat (Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau) yang berkuasa membuat perlantikan ke atas pewaris takhta kerajaan Negeri Sembilan.

Bagaimanapun Tan Sri A Samad ketika itu dianggap sebagai 'orang politik' yang tidak senang dengan peraturan adat, walhal beliau dikenali sebagai penyelidik adat. Dalam usaha penyelidikannya Tan Sri A Samad pernah menghasilkan buku 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan' (1961) dan 'Negeri Sembilan dan Sejarahanya' (1968). Tetapi segelintir pemuka-pemuka adat di Negeri Sembilan yang berpengaruh menganggap beliau anti kepada sistem adat. Malah ketika Dato' Onn dalam ucapannya menyebut '*biar mati adat, jangan mati anak*', Tan Sri A Samadlah yang mempertahankan ungkapan '*biar mati anak, jangan mati adat*' itu.

Tuduhan ke atas Tan Sri A Samad sebagai anti-adat itu ternyata sebagai kejayaan eksploitasi kerabat diraja di Seri Menanti mengenai peranan beliau mengkritik segelintir kerabat diraja yang mengaitkan kedudukan istana bagi kepentingan mereka. Walhal Tan Sri A Samad mempunyai hubungan baik dengan putera-putera raja di istana termasuk Tuanku Munawir, Tuanku Jaafar dan Tunku Abdullah. Peristiwa yang dirujuk oleh Dato' Abdul Manaf kepada Dato' Kelana Kassim itu membuktikan pengalaman Tan Sri A Samad sejak awal lagi adalah menentang sistem kasta dalam masyarakat, bukannya secara total bersikap anti-adat.

Bertolak daripada kata-kata yang dituturkan oleh Dato' Kassim itulah, Undang Yang Empat memutuskan melantik Tuanku Jaafar menaiki takhta berikutan dengan kemangkatan kekandanya Tuanku Munawir pada 14 April 1967. Seperkara yang menjadi tohmahan ke atas Tan Sri A Samad sebagai anti-adat ialah keinginannya mahukan pepatah petitih dalam adat dijadikan buku, di samping terombo setiap dato'-dato' adat ditulis supaya dapat dianalisis oleh generasi akan datang. Usaha tersebut masih dijalankan sekarang dengan terbentuknya Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan sejak 1990.

Bagi pemuka-pemuka adat 'terombo' dan 'pepatah petitih' tidak boleh dibukukan kerana ianya 'perkara yang tersirat, dan bukannya yang tersurat'. Tetapi 'terombo' yang tidak ditulis atau disuratkan mudah diselewengkan apabila ianya disampaikan secara lisan iaitu dari mulut ke mulut. Kalau al-Quran ditulis supaya tidak hilang selepas melalui banyak perubahan zaman, apa salahnya 'terombo' dan 'pepatah petitih' adat ditulis untuk pemahaman generasi akan datang. Inilah sebenarnya dilema yang dihadapi oleh Tan Sri A Samad dalam usaha memartabatkan Adat Perpatih itu.

Selepas berpindah ke Pusat sejak 1969, hubungan Tan Sri A Samad dengan pemuka-pemuka adat masih tidak terputus. Beliau merintis jalan ke Pagarruyung bagi mencari akar umbi sebenarnya Adat Perpatih yang dibawa ke Negeri Sembilan. Seterusnya menjalin hubungan baik dengan pemuka-pemuka adat di Minangkabau (Sumatera Barat) termasuk Lembaga Kerapatan Adat Minangkabau sendiri. Melalui Dato' Lubuk Sati Haji Jaffri dan Dato' Rashid Manggis misalnya, beliau mengumpulkan khazanah lama mengenai salasilah jurai keturunan raja-raja yang menaiki takhta di Negeri Sembilan.

Kata-kata yang dituturkan oleh Dato' Kelana Kassim, "Hari hak dia biarlah kepadanya, sampai hari hak kita tahulah dia langit itu tinggi, laut itu dalam," - bagi Tan Sri A Samad ungkapan tersebut memang menjadi panduan kepadanya setelah berpindah ke Pusat. Ketika itu beliau adalah merupakan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri, dengan Ketua Perhubungannya dipegang oleh Menteri Besar, Dato' Mansur Othman. Beliau menerima banyak rungutan dari ahli-ahli Umno di Negeri Sembilan mengenai projek gula di Air Hitam, Bahau yang dianggap membebankan rakyat.

Justeru dalam krisis projek gula itu, Tan Sri A Samad tidak mahu membabitkan diri sebagai krisis Umno kerana ianya merupakan projek pembangunan kerajaan negeri. Sudah tentu peranannya dalam kerajaan negeri terbatas, sebaliknya menganggap projek itu sebagai 'hari Dato' Mansur' selaku menteri besar. Apabila 'hari orang lain' menjadi menteri besar terpulanglah kepada budi bicara tokoh berkenaan menyelesaikan isu yang menjadi rungutan ahli-ahli Umno itu. Apa yang diramalkan oleh Tan Sri A Samad ini menjadi kenyataan apabila dalam pilihanraya 1978, Dato' Seri Dr Rais Yatim pula menjadi menteri besar.

Dalam pilihanraya 1978, Dato' Mansor berpindah ke kawasan Parlimen Kuala Pilah, kemudiannya dilantik menjadi Timbalan Speaker Dewan Rakyat. Sementara itu Dato' Rais pula berpindah ke kerusi DUN Pertang, bagi memberi laluan kepada Tan Sri A Samad bertanding ke kerusi Parlimen Jelevu. Dato' Rais yang sudah ditetapkan bakal menjadi menteri besar menang tidak bertanding di Pertang, begitu juga Tan Sri A Samad tidak ditentang oleh parti pembangkang. Semasa hari penamaan calon dalam pilihanraya 1978 itu dikatakan berlaku kejadian yang melucukan kepada Tan Sri A Samad.

Ketika itu Tan Sri A Samad adalah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, sementara Dato' Rais pula Timbalan Menteri Dalam Negeri. Mereka berdua menyedari akan ditentang oleh calon Pas yang sudah membuat persiapan lebih awal. Dato' Rais memang mempunyai sikap tidak akan membuat bantahan kepada sebarang kertas pencalonan pihak lawan, walau pun terdapat kesilapan di dalam borang penamaan. Sebaliknya setelah diumumkan Tan Sri A Samad bertanding di Parlimen Jelevu, sementara Dato' Rais di DUN Pertang, pagi hari penamaan calon itu pusat pilihanraya di Pejabat Daerah Jelevu tidak kelihatan calon Pas yang akan bertanding.

Tiga daripada 4 kawasan DUN dalam Parlimen Jelevu telah ditandingi oleh calon-calon iaitu Kuala Klawang, Bahau dan Jempol. Sementara satu lagi iaitu kawasan Pertang dimenangi oleh Dato' Rais dengan tidak bertanding. Tan Sri A Samad sendiri berasa hairan mengapa calon Pas tidak muncul di pusat penamaan calon, sekali pun sebelumnya sudah diumumkan Pas akan bertanding di kawasan Parlimen Jelevu. Tidak lama selepas beliau bersama Dato' Rais menyerahkan kertas pencalonan kepada pegawai pilihanraya tiba-tiba seorang kenalan lama datang memberikan ucapan tahniah.

"Sepatutnya saya menjadi calon Pas, tetapi selepas mendapat tahu Dato' yang jadi calon di sini lebih baik saya menarik diri," beritahu kenalan lamanya itu menunjukkan borang pencalonan yang sudah siap diisi. Calon Pas itu tidak mahu bertanding bagi kerusi Parlimen Jelevu dan DUN Pertang, apabila mendapati Tan Sri A Samad dan Dato' Rais menjadi calon BN. Bagaimana pun Tan Sri A Samad enggan memberikan nama calon Pas yang menarik diri itu disebabkan mereka berdua merupakan kenalan lama. Tetapi daripada peristiwa tersebut Tan Sri A Samad percaya kata-kata Undang Luak Sungai Ujong Dato' Kassim itu perlu dianalisis secara mendalam.

Apabila seseorang itu berada pada kedudukan 'hari hak dia' memang sukar digugat, tetapi ketika sampai 'hari hak orang lain' pula tidak siapa pun boleh menghalang kehendak Allah Azza Wajalla. Mereka yang berkuasa pada hari ini, boleh diturunkan pada hari esoknya. Di samping itu dalam perjuangan politik beliau juga yakin kalau hari ini seseorang itu menjadi lawan, hari esok mungkin menjadi kawan yang baik. Justeru selepas beliau diisytiharkan oleh pegawai pilihanraya sebagai ahli Parlimen Jelevu pada hari penamaan calon itu, Tan Sri A Samad mengumumkan tidak akan bertanding lagi dalam pilihanraya akan datang.

Pak Lang Dari Negeri Sembilan

Tarikh yang tidak dapat dilupakan oleh Tan Sri A Samad dalam perjuangan politiknya ialah pada 14 Januari 1976. Beliau tertegun beberapa ketika seolah-olah tidak percaya dengan berita yang diterima iaitu berpulangnya ke rahmatullah, Tun Abdul Razak ketika mendapatkan rawatan perubatan di London. Baginya Tun Razak bukan sahaja ketua, rakan seperjuangan malah abang yang sentiasa memberikan tunjuk ajar. Menurut Tan Sri A Samad sebaik sahaja diberitahu mengenai kematian Tun Razak, beliau tidak dapat berkata sepeatah pun untuk beberapa waktu.

Setelah dapat mengawal perasaan sebab di adanya barulah beliau mampu bersuara untuk memberitahu isterinya Puan Sri Asiah Haji Hussein. Hubungannya yang akrab dengan Tun Razak sejak di Negeri Sembilan lagi, banyak meninggalkan kenangan dalam dirinya. Semasa berkhidmat dalam satu kementerian misalnya, Tan Sri A Samad dianggap oleh menternya sering mendapat liputan akhbar yang meluas. Apabila perkara itu disampaikan kepada Tun Razak, beliau telah dipanggil menemuinya di pejabat. “Macam mana kalau awak ke kementerian buruh aje Mad, dia tu (menternya Tan Sri V Manickavasagam) tak kisah sama ada awak sering dapat liputan akhbar atau pun tidak,” ujar Tun Razak tersenyum.

“Terpulanglah pada abang, kalau abang rasa di kementerian buruh sesuai, saya ikut aje,” sahut Tan Sri A Samad. Panggilan ‘abang’ itu menjadi kebiasaan apabila mereka bertemu secara peribadi. Malah Tan Sri A Samad sendiri apabila bertemu rakan-rakan dari Negeri Sembilan, beliau lebih suka dipanggil ‘Pak Lang’ iaitu mengikut kebiasaan panggilan kepada isterinya ‘Mak Lang’. Dato’ Rais juga apabila bertemu dengan Tan Sri A Samad akan memanggilnya ‘Pak Lang’, sekali pun mengikut di sebelah keluarga beliau panggilan kebiasaannya ialah ‘Pak Long’, disebabkan beliau abang yang tua dalam keluarga.

Tetapi disebabkan isterinya lebih mesra dipanggil ‘Mak Lang’ oleh rakan-rakan rapat dan kenalan dari Negeri Sembilan, jadi beliau juga lebih senang dipanggil ‘Pak Lang’. Tan Sri A Samad memang dikenali sebagai ‘Pak Lang’ dari Negeri Sembilan bagi kawan-kawan yang rapat dengannya sama ada mereka di dalam politik atau pun aktivis masyarakat di Kuala Lumpur. Pernah berlaku satu kejadian yang melucukan juga selepas beliau menerima anugerah pingat

kebesaran yang membawa gelaran 'Tan Sri', apabila terserempak rakan-rakan di Seremban.

Ketika penulis berjalan di kaki lima bangunan bersama Tan Sri A Samad, seorang kenalan memanggilnya 'Tan Sri' beberapa kali. Beliau tidak menghiraukan panggilan itu hinggalah penulis memberitahunya mengenai seseorang memanggil beliau. Sebaik sahaja individu itu mendekatinya lantas beliau bergurau, "Hai dah dapat gelaran 'Tan Sri' takkan tak kenal lagi". Tan Sri A Samad tersenyum menyahut dengan bergurau, "Ingatkan panggil siapa pula tadi, sebab 'Tan Sri' tu dah ditinggalkan di Kuala Lumpur." Beliau kemudiannya mengingatkan individu itu kalau sebelum ini mengenalinya 'Pak Lang', lebih baik sahaja memanggilnya 'Pak Lang' dan bukan 'Tan Sri'.

Sehingga beberapa bulan juga Tan Sri A Samad enggan menyahut apabila kenalan rapatnya memanggil 'Tan Sri'. Bagaimana pun lama kelamaan beliau tidak dapat menolak kenyataan gelaran 'Tan Sri' itu adalah anugerah yang perlu digunakan sama ada beliau suka atau tidak menyukainya. Kadangkala kawan-kawan rapat juga serba salah apabila mahu memanggilnya 'Tan Sri', kerana beliau tidak menyahut setelah beberapa kali dipanggil begitu. Malah isterinya juga apabila dipanggil 'Puan Sri' akan menyebut dirinya 'Mak Lang' juga setiap kali berbual dengan kawan-kawan rapat dari Negeri Sembilan atau 'Mak Cik' kalau bukan dari Negeri Sembilan.

Sebaliknya kalau mereka memanggil 'Puan Sri' atau 'Datin', 'Mak Lang' akan pura-pura tidak mendengar atau memandang ke tempat lain. Begitu juga Tan Sri A Samad, beliau akan memandang ke arah lain sekiranya kenalan biasa memanggilnya 'Tan Sri', kecuali mereka yang buat pertama kali menemui beliau. Malah sekiranya balik ke Seremban atau ke Kuala Pilah, beliau lebih senang sekiranya anak-anak muda memanggilnya 'Datuk', kerana lebih senonim dengan panggilan seorang cucu kepada datuknya. Justeru bagi kawan-kawan dari Negeri Sembilan memang mereka lebih mesra memanggil beliau sama ada 'Pak Lang' atau 'Datuk'.

Peristiwa beliau ditukarkan oleh Tun Razak ke kementerian buruh, bukan disebabkan prestasinya kurang memuaskan, sebaliknya sebagai timbalan menteri beliau lebih banyak mendapat liputan akhbar daripada menterinya sendiri. Semasa menjawat Timbalan Menteri Buruh, aktiviti beliau tetap mendapat liputan meluas daripada pihak

media terutama yang berkaitan dengan tuntutan kesatuan sekerja. Beliau juga membangkitkan isu orang-orang Melayu yang tidak mahu aktif dalam gerakan kesatuan sekerja, seolah-olah berpuas hati dengan apa yang diperjuangkan oleh kesatuan.

Ketika itu kebanyakan kesatuan sekerja dipimpin oleh kalangan bukan Melayu, sekali pun majoriti ahli kesatuan terdiri daripada orang-orang Melayu. Boleh dikatakan Tan Sri A Samad lama berkhidmat di kementerian buruh sebelum berpindah ke kementerian dalam negeri. Semasa berkhidmat di kementerian dalam negeri, menterinya Tan Sri Ghazali Shafie lebih banyak memberi kebebasan kepada beliau melaksanakan dasar kementerian. Beliau sendiri berasa gembira menjadi timbalan kepada Tan Sri Ghazali, disebabkan menteri itu tidak ambil hirau apabila Tan Sri A Samad mendapat liputan meluas media dalam tugas-tugasnya.

Pernah juga berlaku dalam pemilihan Majlis Tertinggi Umno pada bulan Jun 1975, Tan Sri A Samad mendapat undi lebih tinggi daripada menterinya Tan Sri Ghazali. Dalam pemilihan itu Tan Sri A Samad mendapat undi ke 12, sementara Tan Sri Ghazali pun undi yang ke 13. Justeru, selepas Tun Razak meninggal dunia, penggantinya Tun Hussein Onn telah menamakan tokoh yang akan menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri ketika mesyuarat MT di kediamannya menyatakan ciri-ciri tokoh yang dipilihnya. Malah secara jelas Tun Hussein menyebut tokoh berkenaan mempunyai pengalaman luas dalam bidang diplomatik seolah-olah merujuk kepada Tan Sri Ghazali.

Sebaik sahaja selesai mesyuarat MT, ketika balik meninggalkan kediaman rasmi Perdana Menteri, ramai ahli-ahli MT sudah mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Ghazali termasuk juga Tan Sri A Samad. Mereka menyangka sudah tentulah Tan Sri Ghazali yang dimaksudkan oleh Tun Hussein, sekali pun beliau tidak menyebut namanya tetapi sekadar menggambarkan ciri-ciri serta latar belakang calon yang dipilihnya. Apabila rakan-rakan mengucapkan tahniah, Tan Sri Ghazali spontan sahaja menjawab, "Dalam MT saya nombor 13, tak mungkin saya yang jadi pilihan PM".

Kedudukan Tan Sri Ghazali dengan undi ke 13 dalam MT, agak menghairankan apabila timbalannya Tan Sri A Samad boleh mencapai kedudukan undi ke 12. Dalam masa yang sama Tan Sri Ghazali juga tewas bagi menduduki salah satu daripada tiga jawatan Naib Presiden. Berasaskan kepada ucapan dasar Tun Razak ketika

Perhimpunan Agung Umno berlangsung, memang beliau (Tun Razak) tidak berminat untuk menaikkan Tan Sri Ghazali. Dalam buku **‘Suka Duka Politik Tun Razak’** Subky Latiff menulis:

“... Lama sebelum perhimpunan Jun itu orang-orang yang diketahui mengelilingi Perdana Menteri itu telah menyampaikan maklumat secara langsung mahu pun tidak, agar Umno memilih Encik (Tun) Ghafar Baba, Tengku Tan Sri Razaleigh dan (Dato’ Seri) Dr Mahathir. Perkhabaran itu tiba ke pengetahuan kebanyakan ahli Umno tetapi mereka tidak sah apakah perkhabaran itu benar-benar datangnya dari lubuk hati Tun Razak.

“Dalam ucapan dasar Tun Razak pada perhimpunan itu orang ramai hadir mendengar dengan sah bahawa benar Tun Razak mahukan tiga nama itu menang. Beliau memuji tiga nama itu dan tidak pula menyebut tentang jasa dan kebaikan lain-lain calon...”

Justeru Tan Sri Ghazali yakin bukan dirinya yang dirujuk oleh Tun Hussein ketika mengumumkan ciri-ciri dan latar belakang yang dipilihnya menjadi Timbalan Perdana Menteri. Malah beliau pernah memberitahu Tan Sri A Samad, memang Tun Razak begitu tertarik dengan ideanya tetapi tidak mahu beliau (Tan Sri Ghazali) pergi lebih jauh.

Penjelasan Tan Sri Ghazali itu memang berasas, apabila keesokan harinya (selepas mesyuarat MT) Tun Hussein mengumumkan nama Dr Mahathir selaku Timbalan Perdana Menteri. Tan Sri A Samad pula dinaikkan jawatan kepada menteri penuh dalam rombakan kabinet Tun Hussein menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan. Bermulalah tugas ‘Pak Lang’ dari Negeri Sembilan menjalankan kerjaya paling serasi dengan latar belakang dirinya. Surat dan telegram dari badan-badan persuratan dan budaya termasuk juga individu yang terbabit dengan aktivis masyarakat mengalu-alukan perlantikan beliau sesuai mengikut latar belakangnya sebagai aktivis budaya sebelum itu.



Selaku Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, pernah menimbulkan kontroversi mengenai isu kerajaan campuran UMNO-PAS di semua peringkat.



Bergambar kenangan ketika mewakili UMNO Negeri Sembilan dalam Mensyuarat Perwakilan di Melaka tahun 1950.

Pertubuhan Nasrul Haq

Dalam satu perarakan lintas hormat menyambut Hari Kebangsaan, Tun Razak berpaling ke arah Tan Sri A Samad lantas bergurau, “Tengok tu, bergaya ‘*Red Guard*’ Samad buat lintas hormat”. Menteri-menteri kabinet yang lain tersenyum dengan gurauan Tun Razak apabila ‘Pasukan Rela’ di bawah kementerian dalam negeri dirujuk oleh pemimpin itu sebagai ‘*Red Guard*’ yang popular di Republik Rakyat China. ‘*Red Guard*’ adalah pasukan pengawal Pengerusi Mao Tze Tong (Mao Ze Dong) dalam melaksanakan dasar ‘Revolusi Budaya’ sekitar dekad 1960-an.

Memang idea pembentukan Pasukan Sukarelawan Rakyat (Rela) di bawah kementerian dalam negeri dicetuskan oleh Tan Sri A Samad. Penubuhan pasukan itu setelah terdapat rungutan daripada ahli-ahli Umno peringkat akar umbi mengenai orang Melayu sukar bagi mendapatkan permit senjata api. Prosedur mendapatkan permit senjata api juga tidak dapat dipenuhi, kerana orang Melayu tidak mempunyai ladang yang luas atau kilang-kilang besar di bandar bagi menjaga keselamatan harta benda mereka. Melalui pasukan Rela senjata api boleh disalurkan dalam usaha mencegah penyeludupan di sempadan, mengawal pesisir pantai dan gangguan anasir subversif di kampung-kampung.

Mereka yang mendaftar sebagai ahli pasukan Rela mendapat keutamaan dibekalkan senjata api bagi mencapai matlamat yang disasarkan iaitu mencegah penyeludupan terutama di Kelantan, Perlis dan Perak Utara dengan Thailand, mengawal pesisir pantai daripada pencerobohan nelayan-nelayan asing, di samping anasir subversif di kampung-kampung pendalaman yang terdedah kepada komunis sekitar dekad 1970-an itu. Pasukan Rela ini mendapat sambutan orang ramai dengan penyertaan menyeluruh di kalangan penduduk-penduduk kampung, sekali pun terdapat juga pihak yang membuat tanggapan pasukan itu disamakan dengan ‘*Home Guard*’ di bawah Inggeris atau ‘*Jaikidan*’ semasa Jepun.

Bagaimanapun Tan Sri A Samad menerima juga laporan mengenai ahli-ahli Rela yang menyalahgunakan senjata api tersebut untuk berburu di hutan, tetapi beliau melindungi ahli pasukan tersebut dengan mengkategorikan menembak binatang liar yang memusnahkan tanaman penduduk-penduduk kampung. “Memang saya tahu mereka gunakan untuk berburu rusa, kijang, pelanduk dan ayam

denak terutama di kawasan felda, tetapi saya terpaksa *cover* mereka sebagai digunakan menembak babi, gajah, kera atau tupai yang merosakkan tanaman,” beritahu Tan Sri A Samad selepas beliau bersara.

Ketika itu gangguan binatang liar seperti babi hutan, gajah, ular dan kera memang menyulitkan petani-petani di kampung pendalaman. Mereka tidak boleh berharap seratus peratus kepada pihak Jabatan Hidupan Liar apabila tanaman dimusnahkan oleh haiwan-haiwan berkenaan, justeru peranan pasukan Rela adalah diperlukan. Disebabkan Tan Sri A Samad begitu kuat mempertahankan pasukan Rela inilah, Tun Razak sengaja bergurau dengan menyebut pasukan itu sebagai ‘*Red Guard*’ Tan Sri A Samad. Tidak lama selepas beliau memimpin kementerian belia dan sukan, Tan Sri A Samad sekali lagi menimbulkan kontroversi apabila menubuhkan Persaudaraan Nasrul Haq Malaysia (Nasrul Haq).

Idea penubuhan Nasrul Haq bermula dengan keghairahan belia-belie menyertai badan persilatan di seluruh negara. Mereka terpaksa melalui ujian getir menggunakan senjata tajam yang boleh membahayakan keselamatan jika tersilap langkah. Terdapat juga unsur-unsur mistik dengan merelakan diri dimandikan minyak panas, berjalan di atas bara dan sebagainya sebagai ujian ketahanan mental. Bagi mengelakkan perbuatan yang berbahaya ini, kementerianya telah mengharamkan penggunaan senjata tajam sama ada sebagai ujian ketahanan mental atau lain-lain bentuk gerak yang boleh mencederakan fizikal dalam badan-badan persilatan.

Larangan kementerian itu mendapat kritikan dari pihak badan-badan persilatan seolah-olah Tan Sri A Samad mahu melihat aktiviti mereka berkubur. Seterusnya beliau diminta menunjukkan garis panduan yang boleh digunakan oleh badan-badan persilatan supaya menepati dengan kehendak kementerian. Dalam mengimbangi desakan pelbagai pihak Tan Sri A Samad mendapat pandangan daripada rakan-rakannya seperti Profesor Mochtar Lintang (Pak Mochtar), Pak Sati dan lain-lain lagi iaitu; *sekiranya kanak-kanak itu barang permainan mereka diambil, maka hendaklah dicarikan ganti barang permainan yang lain.*

Bertolak daripada saranan rakan-rakan inilah, Tan Sri A Samad menubuhkan persatuan yang tidak membabitkan gerak-gerak berbahaya, tetapi boleh menarik belia-belie untuk menyertainya. Pada peringkat

awalnya beliau menamakan sebagai 'Belia Harapan' sahaja dengan dikesampingkan 'gerakan jurus' iaitu senaman jasmani. Beliau juga meramalkan 'Belia Harapan' itu hanya satu kelompok yang kecil dengan anggota beberapa ratus sahaja yang dimulakan di Dusun Tua iaitu Pusat Latihan Belia Negara. Mereka yang mendapat latihan di Dusun Tua itu telah menyebarkan pula pengetahuan yang mereka pelajari hingga gerakan senaman itu dikatakan 'ilmu jurus' bagi mempertahankan diri.

Disebabkan sambutan menggalakkan, Tan Sri A Samad meluaskan skop 'Belia Harapan' itu kepada 'Persaudaraan Nasrul Haq', di samping mengekalkan latihan jasmani itu sebagai senaman. Dalam masa yang singkat sahaja lebih 400,000 ahli menyertai Nasrul Haq kerana mereka tertarik dengan latihan jasmani yang dianggap 'ilmu jurus' itu, sekali pun ianya bukan ilmu kebatinan. Akibat kemunculan Nasrul Haq seolah-olah satu ledakan budaya yang dianggap asing, banyak pihak membuat pelbagai andaian malah ditakrifkan sebagai ajaran sesat.

Isu Nasrul Haq telah dibawa ke Majlis Raja-Raja bagi memastikan sama ada ianya ajaran sesat atau sebaliknya. Ketika mesyuarat diadakan Dato' Patinggi Tun Abdul Rahman Yaakob selaku Ketua Menteri Sarawak pada masa itu mewakili menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri bertanya kepada salah seorang mufti, di manakah salahnya Nasrul Haq itu? Mufti itu menjelaskan kepada Tun Rahman, bagi membutikan Nasrul Haq itu salah maka Tan Sri A Samad hendaklah menunjukkannya kepada umum. Segera disahut oleh Tun Rahman, "Sebagai orang yang dituduh tentulah mereka tidak akan menunjukkan, sebaliknya orang yang menuduh perlu memberikan buktinya".

Selepas perbincangan tersebut, mufti berkenaan tidak dapat mengesahkan segala pertuduhan yang dilimpahkan kepada Nasrul Haq sebagai ajaran sesat. Isu tersebut terus menjadi bahan kritikan terhadap Tan Sri A Samad, hingga Menteri Di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Haji Hassan Adli bin Haji Arshad memberitahu beliau selepas menghadiri mesyuarat kabinet. Menurut seperti yang disampaikan oleh Haji Hassan Adli yang mempunyai hubungan baik dengan salah seorang mufti, Nasrul Haq tidak salah apa-apa tetapi Tan Sri A Samad sendiri yang buat kesilapan.

"Apa kesilapan saya menubuhkan Nasrul Haq?" tanya Tan Sri A Samad. "Kata mereka salah Dato' ialah melantik penasihat bukan

daripada kalangan ulama tempatan, sedangkan di Malaysia ramai ulama-ulama yang berwibawa,” beritahu Dato’ Hassan Adli mengenai rasa terkilan mufti berkenaan. “Kalau saya lantik penasihat Nasrul Haq kalangan ulama Malaysia, nanti ada pula pihak yang mengatakan ianya ulama Umno,” Tan Sri A Samad memberikan penjelasan. Kebetulan pula Penasihat Nasrul Haq ialah Profesor Mochtar Lintang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), tetapi berasal dari Sumatera Barat.

Tekanan seterusnya diberikan kepada Tan Sri A Samad ialah tuduhan ke atas rakan beliau Timbalan Presiden Nasrul Haq iaitu Haji Johanes Choeldi yang dikatakan bekas penganut Kristian. Beliau sering menjelaskan Haji Johanes ialah berketurunan Minangkabau jati, malah dalam keturunan Minangkabau memang masyarakatnya beragama Islam. Fitnah yang dilimpahkan berdasarkan ejaan nama Haji Johanes Choeldi yang dianggap mirip nama orang Kristian, sedangkan nama tersebut adalah mengikut ejaan dalam bahasa Indonesia. Pemilihan ke atas Haji Johanes menjadi Timbalan Presiden bukanlah membelakangkan anak tempatan, tetapi beliau mempunyai kemahiran dalam latihan senaman jasmani yang dikenali sebagai ‘jurus’ itu.

Kemuncak daripada tekanan-tekanan pihak lawan terhadapnya, ialah Tan Sri A Samad difitnah mahu mencabar Dato’ Seri Dr Mahathir bagi jawatan Timbalan Presiden Umno dalam Perhimpunan Agung 1978, memandangkan kebanyakan ahli-ahli Nasrul Haq menjadi perwakilan. Fitnah ini hampir menyinggung perasaan Dato’ Seri Dr Mahathir menyebabkan beliau terpaksa memberikan penjelasan, beliau tidak bercita-cita mahu mencapai apa yang sudah dicapainya setakat itu. Mujurlah Dato’ Seri Dr Mahathir berpuas hati di samping memahami fitnah yang dilimpahkan ke atas Tan Sri A Samad.

Fitnah bertali arus yang ditujukan kepada Tan Sri A Samad dalam isu Nasrul Haq memang berkaitan dengan kejayaannya mengumpulkan orang Melayu dalam satu gerakan keMelayuan yang tidak mengira batas parti politik. Nasrul Haq menganjurkan kursus-kursus di seluruh negara yang merangkumi keselamatan dalam negeri (dari pihak polis), ekonomi dan pendidikan (dari jabatan-jabatan berkenaan), pemahaman agama (dari jabatan agama), belia dan patriotisma (dari jabatan kebudayaan belia dan sukan). Kursus anjuran Nasrul Haq ini mendapat sambutan menggalakkan di negeri Kelantan,

Terengganu dan Pulau Pinang selain di Kuala Lumpur bagi Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Anugerah Budayawan Gapena

Terasa berat hati Tan Sri A Samad mahu menerima **Anugerah Budayawan Gapena** sempena 'Hari Sastera' di Ipoh dalam tahun 1980. Kalau beliau menerima mungkin ada pihak menganggap disebabkan kedudukannya sebagai seorang menteri; sekiranya ditolak seolah-olah memperkecilkan panel pemilih Gabungan Penulis Nasional itu. Ketika penulis ikut sama ke sebuah hotel di tempat beberapa orang ahli jawatankuasa Gapena menunggu, beliau meluahkan rasa berat hati itu berulang kali semasa di dalam kereta.

"Macam mana pandangan Dharmala kalau saya menolak?" beliau semakin serba salah setelah menyatakan persetujuan untuk menemui ahli jawatankuasa Gapena di hotel tersebut. "Saya fikir anugerah tu diberi bukan kerana Dato' seorang menteri, tapi dulu Dato' memang aktivis budaya dan pernah menganjurkan Kongres Kebudayaan Nasional buat kali kedua di Seremban," beritahu saya spontan. Tetapi sepanjang perjalanan ke hotel berkenaan beliau masih terkilang kerana diberi anugerah tersebut mendahului tokoh-tokoh lebih senior seperti Pak Sako, A Samad Ahmad, Ibu Zain atau lain-lain.

Sewaktu tiba di hadapan hotel, Ketua Satu Gapena (Tan Sri) Profesor Ismail Hussein sudah menunggu bersama rakan-rakannya. Apabila masuk ke ruang hotel sudah menunggu pula Kamaruzzaman A Kadir (Dharmawijaya), Salleh Daud dan Asmad. Perbincangan tidak berkisar kepada sama ada Tan Sri A Samad menerima atau menolak, sebaliknya sudah dianggap beliau menerima Anugerah Budayawan Gapena 1980 itu. Kamaruzzaman diberi tugas menyediakan ucapan pengenalan bagi penerima anugerah pada hari penyampaian di Ipoh.

Anugerah Budayawan Gapena merupakan acara kemuncak apabila badan gabungan penulis itu menyambut Hari Sastera ketika itu. Sebelumnya Pak Zek (Zakaria Hitam) dari Pahang diberi anugerah tersebut, tetapi beberapa tahun kemudian Pak Sako menolaknya. Isu Anugerah Budayawan Gapena memang menimbulkan kontroversi disebabkan tokoh yang dipilih seringkali menerima kritikan seolah-olah pihak pemberi anugerah tidak serius membuat penilaian. Pemilihan Tan Sri A Samad sebagai penerima anugerah dalam tahun 1980 itu tidaklah dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Sehari sebelum Hari Sastera berlangsung di Ipoh, Setiausaha Kerja di ibu pejabat Nasrul Haq, Kapten (B) Abdul Manaf Yaakob (Allahyarham) menyampaikan pesan, Tan Sri A Samad mahu bertemu dengan penulis. Ketika sampai di kementerian, penulis tidak terus menemuinya tetapi seperti kebiasaan masuk ke bilik Setiausaha Akhbarnya (Datuk Dr Sulaiman Mohamed, sekarang Timbalan Menteri Kesihatan) terlebih dahulu. Sebaik sahaja penulis masuk Dr Sulaiman beritahu, “Nasib baik kau datang, Dato’ nak minta buat ucapan di Ipoh besok, aku mana tahu sebab dia nak masukkan pepatah petitih”.

Pada mulanya penulis menyangka beliau sengaja bergurau, disebabkan Dr Sulaiman pun gemar bercakap tidak serius ketika itu. Perkara membuat ucapan rasmi seorang menteri sepatutnya dikendalikan oleh pegawai di kementerian. Tetapi Dr Sulaiman menjelaskan ucapan tersebut sudah disediakan derafnya, penulis dikehendaki memasukkan pepatah petitih di tempat yang sesuai. Apabila saya mahu ke bilik Tan Sri A Samad, seorang kaki tangan di situ Encik Jalaluddin sudah tersenyum lantas berkata, “Eloklah Waris dah sampai, Dato’ sedang marah tu, kalau dia tengok muka Waris gerenti hilang marahnya”.

Ketika sampai di luar bilik pejabat stenonya Puan Zaimon terus menyuruh masuk, sekali pun Setiausaha Sulit beliau, Encik Cik Wan sedang berbincang di dalam. Semasa penulis masuk ke pejabatnya, beliau tidaklah marah seperti disebut Dr Sulaiman atau Jalaluddin tetapi sedang ketawa bersama Cik Wan. Selepas penulis duduk barulah beliau menyebut mengenai ucapan di Ipoh masih belum disediakan, sekali pun sudah diberitahu kepada pegawai terbabit sejak seminggu sebelum itu.

“Bolehkah siap besok, sebab saya nak ke Ipoh besok juga?” beliau menghulurkan deraf ucapan bertulis tangan dengan tulisan jawi. Penulis menyanggupi untuk menyediakan teks ucapan itu, kerana menyangka beliau akan bertolak pada sebelah petang. Tetapi ketika datang semula ke kementerian jam 8.00 pagi, Encik Bidin Main dari bahagian penerbitan memberitahu Tan Sri A Samad sudah ke Ipoh berdasarkan surat pekeliling yang diedarkan kepada kakitangan pejabat. Jalaluddin, Zaimon dan Dr Sulaiman juga belum sampai di pejabat, sedangkan deraf ucapannya belum ditaip.

Sebenarnya teks ucapan setebal 20 muka itu dapat penulis siapkan hingga jam 3.00 pagi setelah membuat beberapa rujukan berkaitan dengan fakta sejarah dan tarikh, bukan sekadar memasukkan

pepatah petiti sahaja. Dalam masa penulis masih mengantuk, steno Dr Sulaiman, Cik Aminah memberitahu Tan Sri A Samad menelefon dari rumah menangguhkan perjalanan ke Ipoh ke sebelah petang sehingga teks ucapan itu siap ditaip. Disebabkan Zaimon tidak sampai ke pejabat hingga jam 10.00 pagi, terpaksa Aminah menaip semula teks ucapan tersebut.

Penulis terpaksa tidur di bilik Tan Sri A Samad sementara Aminah menaip teks ucapan tersebut hingga jam 1.00 tengahari. Ketika mahu bertolak ke Ipoh beliau mengajak penulis ikut sama menghadiri 'Hari Sastera', tetapi kerana menyangka akan balik pada malam itu juga penulis bersetuju ikut sama dengan tidak membawa pakaian lain. Rupa-rupanya terpaksa bermalam di Ipoh kerana acara berikutnya ialah merasmikan batu bersurat yang ditemui di Pulau Pangkor.